

<p>Apabila Allah mengikat sesuatu hukum atau perkara dengan sesuatu sifat tertentu, maka itu menunjukkan adanya hukum kerana adanya sifat tersebut.</p>	<p>إِذَا رَبَّ الشَّارِعُ الْحُكْمَ عَلَى وَصْفٍ مُنَاسِبٍ، فَإِنَّ ذَلِكَ يَدْلُلُ عَلَى أَنَّ ثَبَوَةً لِأَجْلِهِ.</p>	<p>قاعدة 15</p>
<p>Menurut sesetengah ‘ulama’ qaedah ini lebih terang kalau dikatakan begini:</p>		
<p>ترتب الحكم على الوصف يقتضي عليه ذلك الوصف لذلك الحكم</p>		
<p>Maksudnya: Sesuatu hukum jika dikaitkan dengan sesuatu sifat tertentu, maka ia menunjukkan sifat itulah yang menjadi ‘illat bagi hukum tersebut.</p>		
<p>Contoh yang dapat dikemukakan untuk qaedah ini ialah firman Allah berikut:</p>		
<p>(1)</p>	<p>وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطُعُوا أَيْدِيهِمَا جَزَاءً إِيمَانًا كَسْبًا تَكَلَّلَا مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ⑥</p>	
<p>Bermaksud: Laki-laki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya sebagai satu balasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. (al-Maa’idah:38).</p>		
<p>(2)</p>	<p>أَلْرَانِيَةُ وَالرَّانِيَ فَاجْلِدُوهُمَا كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِائَةً جَلْدًا وَلَا تَخْذُلُهُمْ بِهِمَا رَأْفَةً فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَاللَّيْلَمُ اَلْآخِرُ وَلَيَشَهَدَ عَذَابَهُمَا طَائِفَةٌ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ⑦</p>	
<p>Bermaksud: Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman. (an-Nuur:2).</p>		
<p>(3)</p>	<p>إِنَّ الْأَبْرَارَ لَنِي تَعِيمٌ ⑧ وَإِنَّ الْفُجَارَ لَنِي جَحِيمٌ ⑨</p>	
<p>Bermaksud; Sesungguhnya orang-orang yang berbakti, tetap berada dalam Syurga yang penuh ni’mat; (13) Dan sesungguhnya orang-orang yang bersalah, bertempat</p>		

dalam Neraka yang menjulang-julang. (14). (al-Infithaar:13-14).